

Al-Sultan Abdullah ucap selamat ulang tahun TUDM

Jun 1, 2022 @ 11:59am



KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menzahirkan ucapan selamat menyambut Hari Ulang Tahun Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) ke-64.

Ucapan Seri Paduka kepada seluruh warga TUDM, veteran TUDM serta semua yang pernah berkhidmat bersama pasukan berkenaan, dikongsikan Istana Negara menerusi catatan dalam akaun Facebook rasminya hari ini.

Menurut Istana Negara jasa khidmat dan bakti TUDM dalam melindungi kedaulatan dan keselamatan ruang angkasa negara amat dihargai dan disanjungi.

Al-Sultan Abdullah turut menzahirkan harapan agar TUDM terus mengorak langkah sebagai satu ketumbukan udara yang moden dalam mempertahankan kedaulatan ruang angkasa negara serta menjadi sebuah angkatan udara disegani dan dihormati di persada antarabangsa. - BERNAMA